BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref No.: 11/07/12

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau dicetak sebelum jam 1800 pada hari Rabu, 28 November 2007

PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KETIGA 2007

TINJAUAN KESELURUHAN

Ekonomi bertambah kukuh pada suku ketiga

Ekonomi Malaysia bertambah kukuh pada suku ketiga 2007. Permintaan dalam negeri yang terus kukuh meningkatkan pertumbuhan KDNK benar kepada 6.7%. Permintaan dalam negeri disokong oleh aktiviti perbelanjaan penggunaan dan pelaburan swasta yang memberangsangkan. Ini diperkukuh oleh perbelanjaan sektor awam yang meningkat. Dari segi penawaran, pertumbuhan diterajui oleh sektor perkhidmatan.



Sektor perkhidmatan terus berkembang dengan pesat untuk mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 10.5%, disokong oleh permintaan dalam negeri, pelancongan dan aktiviti perniagaan yang memberangsangkan. Yang penting, prestasi subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan, dan subsektor perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran adalah menggalakkan.

Semua sektor utama lain mencatat pertumbuhan positif pada suku ketiga. Pertumbuhan sektor perkilangan meningkat kepada 3.4% (S2:1.5%), mencerminkan pemulihan beransur-ansur dalam industri elektronik dan elektrik (E&E) dan peningkatan selanjutnya dalam industri berorientasikan dalam negeri. Pengeluaran industri berorientasikan eksport meningkat 1.4% (S2: -1.6%), disokong oleh pemulihan dalam sektor E&E berikutan peningkatan pengeluaran separa konduktor terutama bagi memenuhi permintaan dari Republik Rakyat China (RR China) dan Kesatuan Eropah. Di samping itu, segmen komputer dan komponen yang berkait rapat dengan perkembangan dalam pasaran Amerika Syarikat (AS) menunjukkan peningkatan pada suku ketiga (0.2%; S2: -16.6%). Sementara itu, industri berorientasikan dalam negeri terus berkembang 4.6% (S2:8.6%), disokong terutamanya oleh aktiviti pembinaan dalam negeri yang berterusan dan peningkatan jualan kenderaan bermotor baharu berikutan pengeluaran model baharu.

Sektor pembinaan mengekalkan momentum pertumbuhannya untuk berkembang sebanyak 4.7% pada suku ketiga 2007 (S2: 4.8%), terutamanya disokong oleh pelaksanaan pelbagai projek infrastruktur di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Sektor pertanian meningkat 0.6% (S2: -0.9%) berikutan peningkatan beransur-ansur pengeluaran minyak sawit mentah, selepas mengalami kitaran hasil menurun pada separuh tahun pertama. Prestasi yang menggalakkan juga dicatat oleh aktiviti pertanian kecil seperti

sayur-sayuran, ternakan dan koko. Sektor perlombongan berkembang 2.3% (S2: 7.7%) didorong oleh peningkatan keluaran minyak mentah berikutan medan minyak laut dalam pertama Malaysia di Kikeh, Sabah mula menghasilkan pengeluaran pada pertengahan bulan Ogos 2007. Walau bagaimanapun, pengeluaran gas asli menurun sedikit disebabkan permintaan yang lebih rendah dari Korea.

Permintaan dalam negeri bertambah kukuh pada suku ketiga dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 12.6% (S2: 10.8%), ekoran aktiviti sektor swasta yang menggalakkan. Perbelanjaan sektor awam yang meningkat terus menyokong pertumbuhan. Perbelanjaan penggunaan swasta mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 14% berikutan peningkatan pendapatan boleh guna yang disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang stabil dan harga komoditi yang teguh. Pelbagai promosi yang diadakan semasa Karnival Jualan Mega di seluruh negara dari pertengahan bulan Jun sehingga awal bulan September menggalakkan perbelanjaan isi rumah yang lebih besar. Pembentukan modal tetap kasar juga meningkat dengan ketara sebanyak 13.5% pada suku ketiga (S2: 6.6%) disebabkan pelaburan oleh sektor swasta dan sektor awam. Penunjuk pelaburan swasta, iaitu kelulusan dan pengeluaran pinjaman kepada sektor perkilangan dan pembinaan telah meningkat dengan kukuh, menandakan perbelanjaan modal yang lebih besar oleh sektor swasta. Sementara itu, perbelanjaan pembangunan yang lebih besar oleh Kerajaan Persekutuan disalurkan kepada aktiviti ekonomi yang memberikan kesan pengganda yang tinggi dalam bentuk projek-projek untuk menaik taraf infrastruktur dan pembinaan infrastruktur bagi menambah baik sistem pengangkutan serta meningkatkan peruntukan bagi perkhidmatan pendidikan dan menambah baik kemudahan awam.

Kadar inflasi, seperti yang ukur oleh perubahan dalam Indeks Harga Pengguna meningkat kepada 1.8% pada suku ketiga 2007 (S2: 1.5%), disebabkan terutamanya kenaikan harga makanan dan minuman.

Dalam sektor luaran, akaun perdagangan mencatat lebihan sebanyak RM28.2 bilion pada suku ketiga (S2: RM22.6 bilion). Eksport kasar menjadi perlahan dan meningkat sedikit, iaitu sebanyak 0.6% (S2: 1.3%), terutama didorong oleh eksport komoditi, manakala eksport barangan perkilangan berkurang. Eksport pertanian terus meningkat, didorong terutamanya oleh eksport minyak sawit yang disebabkan keseluruhannya oleh harga yang berada pada paras tertinggi sebanyak RM2,599 setan. Ini berikutan permintaan global yang semakin meningkat dalam keadaan pengeluaran minyak sawit yang lebih rendah di Malaysia dan Indonesia serta bekalan minyak kacang soya di Amerika Syarikat dan minyak biji sesawi di Eropah yang lebih rendah. Eksport galian juga terus berkembang pada suku itu disebabkan perolehan daripada eksport gas asli cecair (liquefied natural gas, LNG) yang lebih tinggi, yang mendapat manfaat daripada kenaikan harga kepada paras tertinggi sebanyak RM1,226 setan. Sementara itu, eksport perkilangan menurun disebabkan

terutamanya kemerosotan eksport keluaran E&E dan industri berasaskan sumber tertentu. Meskipun terdapat peningkatan dalam permintaan terhadap E&E, penurunan harga yang berterusan menjejaskan eksport keluaran E&E pada suku itu.

Pertumbuhan import kasar berterusan pada 1.7%, mencerminkan peningkatan dalam perbelanjaan pelaburan dan pengguna. Import barangan modal (tidak termasuk barangan import besar) meningkat 7.2% berikutan peningkatan kapasiti sektor perkilangan dan penambahbaikan untuk kecekapan penggunaan bahan api mendorong pertumbuhan yang kukuh bagi import jentera, penjana, turbin dan motor elektrik. Import kelengkapan bagi sektor pembinaan dan perlombongan juga lebih tinggi disebabkan aktiviti cari gali industri minyak dan gas yang meningkat. Import barangan penggunaan meningkat 1% pada suku itu (S2: 1.1%) terutamanya disebabkan import makanan dan minuman bagi penggunaan isi rumah yang lebih tinggi pada musim perayaan. Selaras dengan kelembapan eksport E&E, import barangan pengantara merosot 1% pada suku itu (S2: +6.5%).

Dalam akaun kewangan, aliran masuk bersih pelaburan langsung asing, sebagaimana yang dipantau oleh Sistem Imbangan Pembayaran Tunai Bank Negara Malaysia (tidak termasuk perolehan tertahan dan pelaburan dalam bentuk jentera dan peralatan yang diimport), berjumlah RM6.8 bilion pada suku ketiga (S2: RM13.6 bilion). Sejumlah besar daripada pelaburan disalurkan kepada sektor perkhidmatan, perkilangan dan minyak dan gas. Pelaburan luar negeri mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM6.9 bilion (S2: -RM8.5 bilion). Sementara itu, pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM22.3 bilion (S2: +RM14.3 bilion) disebabkan pencairan bersih ekuiti dan sekuriti hutang oleh pelabur asing pada bulan Julai dan Ogos, berikutan kegawatan dalam pasaran kredit dan gadai janji subprima Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun, terdapat aliran masuk semula pada bulan September dan Oktober.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM335.4 bilion (bersamaan dengan USD98.2 bilion) pada 28 September 2007. Rizab meningkat kepada RM345.3 bilion (bersamaan USD101.2 bilion) pada 15 November 2007. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 8.9 bulan import tertangguh dan ialah 7.4 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Dasar monetari terus menyokong aktiviti ekonomi

Kadar dasar semalaman (overnight policy rate, OPR) dikekalkan pada 3.50% sepanjang suku ketiga 2007 kerana paras semasa kadar dasar itu selaras dengan prospek jangka sederhana inflasi yang secara relatif rendah dan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Kadar antara bank bagi kesemua tempoh matang secara relatif terus stabil pada suku itu, mencerminkan OPR yang tidak berubah. Dari segi kadar

pinjaman, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata terus tidak berubah pada suku itu, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) lebih rendah dengan ketara pada akhir bulan September, mencerminkan terutamanya pengeluaran pinjaman penghubung bersindiket yang kadar pinjamannya adalah lebih rendah. Kadar deposit secara relatif tidak berubah.

Pembiayaan sektor swasta adalah lebih tinggi pada suku ketiga, dengan pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul berkembang pada kadar tahunan yang lebih tinggi sebanyak 8.9% pada akhir suku ketiga 2007. Pinjaman terkumpul sistem perbankan meningkat pada kadar tahunan sebanyak 9.5% pada akhir suku ketiga, dengan pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan dan sektor isi rumah masing-masing berkembang pada kadar tahunan sebanyak 14.8% dan 7.3%. Permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman pada asas tahunan juga lebih tinggi bagi sektor perniagaan dan sektor isi rumah.

M3 atau wang secara luas meningkat pada kadar tahunan sebanyak 12.3% pada akhir suku ketiga (S2: 12.6%). Peningkatan M3 didorong terutamanya oleh tuntutan terhadap sektor swasta yang lebih tinggi, ekoran pertambahan kredit bank dan pegangan sekuriti hutang swasta oleh sistem perbankan.

Dana bersih yang diperoleh sektor awam dan sektor swasta dalam pasaran modal berjumlah RM12 bilion. Perolehan ini lebih rendah berbanding dengan RM22 bilion yang diperoleh pada suku sebelumnya disebabkan satu terbitan PDS yang besar pada suku sebelumnya untuk aktiviti penyatuan dan pengambilalihan. Dana bersih yang peroleh sektor awam berjumlah RM13.4 bilion manakala dana bersih yang diperoleh sektor swasta melalui pasaran PDS, tidak termasuk Cagamas, berjumlah RM0.6 bilion. Sementara itu, jumlah dana sebanyak RM383 juta diperoleh melalui pasaran ekuiti pada suku itu (S2: RM512 juta).

Dalam keadaan kegawatan pasaran kewangan utama ekoran daripada perubahan sentimen pelabur berkaitan kerugian gadai janji subprima AS, kebanyakan mata wang termasuk ringgit, mengalami turun naik lebih nyata pada suku itu. Pada permulaan bulan Julai, ringgit terus menambah nilai berikutan aliran masuk pelaburan dan perdagangan. Walau bagaimanapun, sejak 25 Julai, ringgit menyusut nilai berbanding dengan mata wang utama ekoran tindakan pelabur global untuk keluar daripada hutang dan ekuiti disebabkan kegawatan pasaran kewangan antarabangsa pada tempoh ini. Mata wang serantau turut terjejas dengan penilaian semula risiko berkaitan aset pasaran negara-negara sedang pesat membangun oleh pelabur global. Walau bagaimanapun, kebalikan trend ini dalam ringgit dan mata wang serantau lain berlaku setelah Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan (Federal Open Market Committee, FOMC) AS mula-mula mengurangkan kadar diskaun pada 17 Ogos, dan selanjutnya mengurangkan kadar Fed Funds dan kadar diskaun masing-masing sebanyak 50 mata asas pada 18 September. Pengurangan kadar faedah dan

jangkaan pasaran bahawa FOMC akan mengurangkan kadar faedah selanjutnya mengembalikan semula sedikit keyakinan pelabur. Pada suku ketiga keseluruhannya, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 1.1%. Bagi tempoh 1 Oktober – 27 November, ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang utama dan serantau.

Sektor perbankan terus menunjukkan daya tahan yang tinggi

Sistem perbankan terus menunjukkan daya tahan yang tinggi pada suku ketiga 2007, disokong oleh permodalan yang kukuh, keberuntungan yang stabil dan peningkatan selanjutnya dalam kualiti pinjaman. Nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) berterusan pada 13.1% sepanjang suku itu manakala keuntungan sebelum cukai kekal kukuh pada RM4.28 bilion (S2: RM4.32 bilion). Paras pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) terus bertambah baik dengan jumlah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan menurun 8.6% kepada RM21.9 bilion pada akhir suku ketiga (S2: RM24 bilion). Ini terutamanya ekoran kutipan balik pinjaman dan pengelasan semula NPL kepada status berbayar serta hapus kira yang berterusan. Hasilnya, nisbah NPL bersih terus menurun kepada 3.5% daripada jumlah pinjaman bersih (S2: 4.1%).

Momentum pertumbuhan dijangka berterusan dalam tempoh terdekat

Meskipun risiko kelembapan yang ketara dalam ekonomi AS meningkat, ketidakpastian dalam keadaan pasaran kewangan global lebih nyata dan harga minyak tinggi, prospek pertumbuhan terus disokong oleh kekukuhan yang berterusan dalam ekonomi sedang pesat membangun khususnya di rantau Asia. Prospek pertumbuhan bagi ekonomi sedang pesat membangun yang besar termasuk RR China, India, Brazil dan Rusia terus memberangsangkan. Dalam ekonomi Malaysia pula, penunjuk masa hadapan menunjukkan tanda-tanda permintaan dalam negeri yang terus kukuh dalam tempoh terdekat. Kadar pertumbuhan enam bulan terlicin (six-month smoothed growth) indeks pelopor Jabatan Perangkaan Malaysia terkini adalah 7.4% pada bulan Ogos. Pengguna terus optimistik mengenai prospek pendapatan dan peluang pekerjaan seperti ditunjukkan oleh Indeks Sentimen Pengguna Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (Malaysian Institute of Economic Research, MIER) yang meningkat kepada 117.5 mata pada suku ketiga 2007 (S2: 115.9 mata). Indeks Keadaan Perniagaan kekal tinggi pada 117.5 mata, mencerminkan keyakinan sektor korporat yang berterusan berikutan aktiviti perniagaan asas yang terus berkembang dengan pelaksanaan lebih banyak projek Rancangan Malaysia Kesembilan. Secara keseluruhan, dengan permintaan dalam negeri kukuh, potensi untuk ekonomi Malaysia terus meningkat pada kadar yang mapan, berterusan.

Bank Negara Malaysia
28 November 2007